KEMAMAN UNGGUL
Peneraju Transformasi Pendidikan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KEMAMAN

# MODUL KupIda BAHASA MELAYU

(Kupasan Idea)

Mengarang,KBAT dan UBBM

**(PENDEKATAN TEMATIK)**

| DISEDIAKAN OLEH | |
|---|---|
| *1. CG ANUAR B MOHAMED* | *SMK RASAU KERTEH B5* |
| *2. CG NERMANI BT SEMAN* | *SMK BANGGOL* |
| *3. HASLINAWATY BT ISMAIL* | *SMK BADRUL ALAM SHAH* |
| *4. CG NOOR ANIZA BT CHE S0H* | *SMK PERMAI* |
| *5. CG NOOR AZITA BT CHE MALIAS* | *SMK BANGGOL* |
| *6. CG MUHAMMAD B. A RAHMAN* | *SMK BANGGOL* |
| *7. CG WAN MUSLIMAH BT WAN MOHD ZAKI* | *SMK BADRUL ALAM SHAH* |
| *8. CG ENGKU JUANA BT ENGKU ELIAS* | *SMK SULTAN ISMAIL 2* |
| *9. CG ZAHARAH BT JOHARI* | *SMK BUKIT MENTOK* |
| *10. CG NORHAFIZAH BT YAHAYA* | *SMK CHUKAI* |
| *11. CG AZIZAH BT OMAR* | *SMK KIJAL* |
| *12. CG NORHAIDA BT ABD HASHIM* | *SMK BINJAI* |
| *13. CG NORHAZWANI BT NGAH @TAHA* | *SMK KIJAL* |
| *14. CG ROZETA BT BAKAR* | *SMK RANTAU PETRONAS* |
| *15. CG NURHUDA BT YUSOF* | *SMK BINJAI* |
| *16. CG NORHAYATI AKMAL BT ISMAIL* | *SMK RASAU KERTEH B5* |

| Tema 1 : Kesihatan dan Kebersihan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Amalan gaya hidup sihat.  | • **Bersenam** | • Memerlukan pergerakan fizikal. | • Berjoging, berbasikal - mengeluarkan peluh - boleh dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu (tempoh setiap sesi senaman 20 minit). | • Menguatkan otot dan tulang - menyihatkan badan. | • Badan sihat, otak cerdas |
| | • **Mengamalkan pengambilan makanan yang seimbang.** | • Penting untuk penjagaan kesihatan. | • Mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi berkhasiat - berdasarkan piramid makanan. | • Dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit (barah, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, obesiti). | • Mencegah lebih baik daripada mengubati. |
| | • **Pemeriksaan kesihatan secara berkala.** | • Dapat mengetahui tahap kesihatan. | • Pemeriksaan kesihatan di hospital kerajaan atau swasta (2 kali setahun). | • Boleh mengambil tindakan bagi memastikan sentiasa berada dalam keadaan baik. | • Cegah sebelum parah. |
| Kepentingan amalan berekreasi.  | • **Mengeratkan hubungan sama ada dengan komuniti mahupun dengan ahli keluarga.** | • Ibu bapa sibuk bekerja - masa untuk bersama dengan anak terhad.<br>• Aktiviti riadah menjadi medium penyatuan masyarakat. | • Aktiviti yang dilakukan bersama-sama mengeratkan hubungan- berkongsi cerita, menasihati anak-anak tentang nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.<br>• Bertegur sapa dengan komuniti. | • Mewujudkan hubungan yang harmoni.<br>• Sifat individualistik dapat dihapuskan.<br>• Mengukuhkan semangat perpaduan. | • Bagai isi dengan kuku. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | • **Mampu memberikan ketenangan jiwa.** | • Keletihan dan bebanan kerja yang berterusan - menyebabkan seseorang menghadapi kemurungan, lesu & tidak bersemangat. | • Berjoging, berbasikal - aktiviti yang menyeronokkan - menyegarkan badan - mengurangkan stres - dapat menghayati pemandangan alam semula jadi - melupakan masalah - merehatkan minda. | •Meningkatkan prestasi kerja dan sentiasa proaktif dalam melaksanakan sesuatu perkara. | |
| | • **Menyihatkan badan.** | • Memerlukan kekuatan fizikal / menggerakkan badan. | • Apabila beriadah, kadar lemak yang terkumpul dalam badan dapat dikurangkan - badan akan berpeluh - dapat meningkatkan kadar metabolisme. | • Menyihatkan badan - dapat mengurangkan risiko menghidap beberapa jenis penyakit (barah, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, obesiti) | • Badan sihat, otak cerdas |
| | • **Mampu menggalakkan pertukaran idea atau buah fikiran.** | • Membuka minda dan menambah pengetahuan. | • Melalui aktiviti berkumpulan atau acara sukan berkumpulan. Perbincangan ringkas tentang sesuatu perkara mampu menzahirkan idea yang bernas kerana kepelbagaian latar belakang dan pengalaman dalam kalangan masyarakat. | • Membuka ruang untuk bersosial serta berinteraksi antara satu sama lain. | • Buah fikiran. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Faedah sukan kepada remaja BT4:39 | ● **Melahirkan remaja yang sihat sama ada dari segi fizikal ataupun mental.** | ● Boleh menguatkan otot dan tulang serta menyihatkan badan dengan membakar lemak berlebihan dalam badan. | ● Melakukan aktiviti sukan seperti berbasikal, mendaki gunung & bermain bola sepak. | ● Melahirkan minda yang cerdas dan mendorong kecemerlangan dalam pelajaran. | ● Badan sihat otak cerdas |
| | ● **Mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat.** | ● Remaja yang aktif bersukan tidak akan melakukan aktiviti yang kurang bermanfaat. | ● Mengisi masa senggang dengan bersukan seperti bermain futsal, berenang dan bermain boling. | ● Membentuk gaya hidup yang sihat dan terhindar daripada masalah sosial. | ● Masa itu emas |
| | ● **Mencungkil bakat remaja.** | ● Guru dapat mengesan bakat terpendam remaja dalam pelbagai acara sukan. | ● Melalui pertandingan dan latihan yang diadakan pada peringkat sekolah. | ● Pihak sekolah berjaya melahirkan ramai atlet yang berpotensi. | ● Hanya jauhari yang mengenal manikam. |
| | ● **Memupuk perpaduan dalam kalangan remaja.** | ● Semangat kekitaan dan keakraban antara rakyat berbilang kaum dapat dipupuk semasa bersukan. | ● Atlet yang berada dalam pasukan yang terdiri daripada remaja yang berbeza kaum dan budaya akan bekerjasama untuk memastikan kejayaan pasukan mereka. | ● Sifat toleransi dan semangat kesukanan dalam kalangan remaja yang berbeza latar belakang dapat dipupuk. | ● Bagai aur dengan tebing. |
| Usaha menggalakkan remaja bersukan | ● **Pihak sekolah perlu mengadakan aktiviti sukan melalui aktiviti kelab dan persatuan.** | ● Mencungkil bakat pelajar. | ● Melalui pertandingan dan acara kejohanan di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri. | ● Melahirkan pelajar yang berketerampilan. | ● Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ● **Pihak kerajaan menyediakan kemudahan bersukan yang lengkap.** | ● Memudahkan remaja untuk bersukan. | ● Memastikan kemudahan bersukan lengkap dan selamat seperti gelanggang badminton, futsal dan sepak takraw - alatan sukan yang sesuai. | ● Menarik minat remaja untuk bersukan. | ● Rakyat Sihat, Negara Maju. |
| Kemurungan / kesihatan mental BT3:16 Tanda-tanda kemurungan | ● **Selera makan terganggu.** | ● Rasa tidak tenteram dan mudah marah. | ● Kurang daya tumpuan dan sukar membuat keputusan. | ● Menyebabkan mengalami depresi. | |
| Punca-punca kemurungan / kesihatan mental | ● **Kehilangan orang tersayang.** | ● Disebabkan tidak dapat menerima kenyataan. | ● Menerima berita kehilangan / kematian ahli keluarga secara mengejut. | ● Mengasingkan diri. | ● Bagai layang-layang terputus tali. |
| | ● **Menjadi mangsa buli** | ● Memendam perasaan sehingga menyebabkan jiwanya tertekan kerana terlalu marah atas perbuatan si pembuli. | ● Takut untuk menceritakan perkara sebenar kepada orang lain tentang perbuatan buli. | ● Mengalami tekanan jiwa sehingga memberi impak negatif kepada diri sendiri. | ● Berani kerana benar takut kerana salah. |
| | ● **Pegangan agama tidak kukuh.** | ● Mereka terlalu mengikut perasaan | ● Tidak boleh menerima kenyataan bahawa dirinya gagal contohnya dalam peperiksaan atau pertandingan | ● Menyendiri dan tidak mahu berbual-bual dengan ahli keluarga | ● Ikut rasa binasa ikut hati mati |
| | ● **Masalah pembelajaran.** | ● Ibu bapa yang terlalu memaksa anak-anak mendapat | ● Anak-anak terpaksa memberikan tumpuan kepada pelajaran semata-mata untuk | ● Stres | ● Yang dikejar tak dapat, yang |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | keputusan cemerlang. | memuaskan hati ibu bapa. | | dikendong berciciran. |
| Usaha mengatasi kemurungan/ kesihatan mental | • **Bercakap atau berkongsi perasaan dengan orang yang anda percayai.** | • Remaja mestilah sentiasa mencari seseorang yang dipercayai untuk meluahkan perasaan. | • Meluahkan perasaan kepada ibu bapa atau sahabat. | • Mengurangkan rasa terbeban dengan masalah. | Mencegah lebih baik dari mengubat. |
| | • **Mendapatkan bantuan kaunselor atau pegawai kesihatan.** | • Menceritakan masalah. | • Mengadakan janji temu dengan kaunselor. | • Berasa tenang dan selesa kerana dapat meluahkan perasaan yang terbuku. | • Sediakan payung sebelum hujan. |
| | • **Bersenam** | • Mengalihkan tumpuan kepada perkara yang diminati. | • Merangsang pengeluaran endorfin yang boleh membantu mewujudkan perasaan positif. | • Mengalihkan tumpuan untuk mengurangkan tekanan. | • Badan cergas otak cerdas. |
| Nomofobia BT3:22 Ketagihan tingkah laku yang berkait dengan telefon bimbit | • **Ciri-cirinya banyak menghabiskan waktu untuk mengemas kini status dalam media sosial.** | • Berasa panik apabila telefon bimbit kehabisan bateri. | • Menggunakan telefon bimbit melebihi empat jam sehari. | • Mengakibatkan seseorang mengalami insomnia dan prestasi kerja atau akademik seseorang akan terjejas. | |
| Usaha menyedarkan masyarakat tentang kanser | • **Media massa menghebahkan informasi.** | • Membuka mata masyarakat dan memupuk kesedaran membuka mata masyarakat tentang kepentingan pencegahan kanser atau | • Masyarakat akan mendapat maklumat yang sahih dan tepat.<br>• Menghebahkan maklumat di televisyen. radio dan media sosial. | • Masyarakat akan cakna dan peka tentang bahaya kanser masyarakat akan peka betapa pentingnya mencegah kanser sejak awal lagi. | • Mencegah lebih baik daripada mengubati. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | mendapatkan rawatan awal kanser. | | | |
| | • **Pihak sekolah mengadakan kempen kesedaran tentang kanser.** | • Memberi pengetahuan kepada pelajar.<br>• Pihak sekolah memberikan maklumat tentang kesedaran pencegahan kanser. | • Pemeriksaan awal sebagai langkah pencegahan dapat dilakukan.<br>• Mengadakan pelbagai program dengan kerjasama klinik kesihatan untuk memberi pendedahan tentang kanser. | • Masyarakat akan prihatin akan tanda-tanda awal kanser.<br>• Murid dapat meningkatkan kesedaran dalam diri masing-masing tentang penyakit kanser. | • Cegah sebelum parah. |
| | • **Ibu bapa memberi peringatan dan nasihat kepada anak-anak tentang kanser.** | • Pendidikan awal kepada anak-anak-Ibu bapa sentiasa memberitahu anak-anak tentang penyakit kanser. | • Ibu bapa membawa anak-anak ke pameran kesihatan sebagai pendedahan awal. | • Anak-anak akan mendapat maklumat secukupnya tentang penyakit kanser. | • Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |
| | • **Pihak kerajaan mengadakan Sambutan Hari Kanser Sedunia** | • Memupuk kesedaran masyarakat tentang penyakit kanser dan cara mencegahnya. | • Program ini disambut pada 4 Februari pada setiap tahun. | • Masyarakat akan mempunyai kesedaran untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua kali setahun. | • Mencegah lebih baik daripada mengubati.<br><br>• Sediakan payung sebelum hujan. |
| Punca obesiti | • **Masyarakat menggemari makanan yang mengandungi kolesterol yang tinggi.** | • Makanan ini mengandungi kadar lemak yang tinggi dan mempunyai rasa yang enak hingga | • Masyarakat lebih suka membeli makanan segera dan tidak berkhasiat seperti KFC , McDonalds dan burger. | • Jika tidak dikawal , badan mengumpul banyak lemak dan menyebabkan kegemukan. | • Nasi sudah menjadi bubur. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | menyebabkan obesiti. | | | |
| | • **Tidak melakukan senaman.** | • Masyarakat tidak aktif dan badan tidak membakar lemak. | • Segelintir masyarakat tidak meluangkan masa untuk bersenam kerana sibuk dengan kerjaya dan hal masing-masing. | • Masyarakat malas untuk bersenam. | • Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada guna. |
| | • **Masyarakat tidak mengamalkan gaya hidup sihat.** | • Masyarakat tidak mementingkan gaya hidup sihat kerana sibuk dengan hal duniawi. | • Masyarakat lebih gemar menghabiskan masa dengan menonton wayang atau membeli belah. | • Tubuh menjadi lesu dan mendapat pelbagai jenis penyakit. | • Sudah terhantuk baru tengadah. |
| Penyakit berjangkit demam denggi chikungunya zika Covid 19 Influenza | • **Penyakit bawaan virus atau sebaran daripada nyamuk aedes.** | • Masyarakat tidak mempunyai kesedaran yang tinggi tentang punca merebaknya penyakit berjangkit. | • Masyarakat tidak menjaga kebersihan persekitaran seperti membiarkan air bertakung di dalam bekas. | • Pembiakan nyamuk aedes dan menyebabkan gigitan kepada manusia. | |
| | • **Tidak mengamalkan penjarakan sosial (3S - sesak sempit, sembang dekat).** | • Masyarakat bersikap lepas tangan untuk mengamalkan panduan kesihatan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). | • Mereka tidak memakai pelitup muka dan berada di tempat awam apabila mempunyai gejala penyakit berjangkit. | • Boleh menyebabkan penyakit tersebar dengan cepat dan meluas. | • Sudah terhantuk baru tengadah. |
| Usaha-usaha mengatasi | • **Masyarakat mengamalkan 3S** | • Masyarakat boleh mengurangkan | • Melalui pencegahan awal seperti memakai pelitup muka dan | • Masyarakat dapat menghindarkan daripada terkena | • Mencegah lebih baik daripada mengubati. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| penyakit berjangkit | **dalam kehidupan seharian.** | risiko mendapat jangkitan. | menjaga penjarakan sosial semasa berada di tempat awam. | jangkitan penyakit berjangkit. | |
| | • **Pihak kerajaan mengadakan Kempen Kesihatan secara meluas dan berterusan.** | • Kempen ini dapat memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya penyakit berjangkit dan cara mencegahnya. | • Kempen ini dilaksanakan melalui media massa dan media sosial seperti televisyen dan *Instagram*. | • Masyarakat dapat mengambil langkah awal untuk mencegah penyakit berjangkit. | • Sebelum nasi menjadi bubur. |
| | • **Ibu bapa perlulah menjaga kesihatan anak-anak.** | • Ibu bapa yang bertanggungjawab pasti akan mengambil berat tentang kesihatan anak-anak. | • Mereka hendaklah memastikan tahap kesihatan anak- anak dan menyediakan peralatan kebersihan diri yang lengkap di rumah. | • Melahirkan keluarga yang sihat dan sejahtera. | • Badan cergas minda cerdas. |
| **Tema 2 : Keselamatan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Punca kemalangan jalan raya | • **Kegagalan fungsi komponen kenderaan.** | • Tidak diselenggara mengikut masa yang ditetapkan. | • Komponen kenderaan tidak berada dalam keadaan baik- masalah brek tidak berfungsi, tayar botak - hilang kawalan, terbabas, terjunam. | • Membahayakan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.<br>• Kehilangan orang yang tersayang. | • Pandu cermat, jiwa selamat. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ● **Pengguna jalan raya tidak mematuhi peraturan jalan raya.** | ● Tidak ada kesedaran kepentingan mematuhi peraturan jalan raya. | ● Memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu Majlis Keselamatan Jalan Raya. Contoh lain memotong kenderaan lain di garisan berkembar dan memandu bawah pengaruh alkohol. Melanggar lampu isyarat. | ● Tidak fokus semasa memandu - mengakibatkan kemalangan. | ● Malang tidak berbau. |
| | ● **Keadaan cuaca** | ● Ketika hujan lebat keadaan jalan raya menjadi lebih licin dan kenderaan sukar dikawal. | ● Dalam keadaan jalan yang licin, pemanduan melebihi had laju akan menyebabkan kenderaan mudah hilang kawalan dan terbabas. | ● Meningkatkan risiko kemalangan<br>● Melanggar kenderaan lain di hadapannya. | ● Biar lambat asal selamat. |
| Cara menghindari kemalangan | ● **Pemilik kenderaan perlu menyelenggara kenderaan secara berkala.** | ● Memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik semasa digunakan. | ● Menghantar ke pusat penyelenggaraan kenderaan secara berkala mengikut janji temu yang ditetapkan. | ● Kenderaan tidak mudah rosak dan menghindarkan risiko kemalangan. | ● Sediakan payung sebelum hujan. |
| | ● **Penunggang motosikal tidak menunggang kenderaan dalam keadaan cuaca buruk.** | ● Permukaan jalan raya yang licin akan menyebabkan kenderaan mudah hilang kawalan. | ● Pemandu mesti mengelak daripada memandu semasa hujan lebat.<br>● Penunggang motosikal mesti berhenti di tempat berteduh sebelum meneruskan perjalanan. | ● Pemandu dapat mengurangkan risiko terbabas. | ● Malang tidak berbau. |
| | ● **Pengguna jalan raya tidak** | ● Pemandu yang memegang peranti | ● Pemandu tidak menggunakan telefon | ● Pemandu dapat fokus semasa pemanduan. | ● Sesal dahulu pendapatan |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **menggunakan gajet semasa pemanduan.** | eletronik akan menyebabkan hilang tumpuan semasa memandu. | bimbit semasa memandu.<br>● Pemandu menggunakan kit bebas tangan semasa menggunakan telefon bimbit. | | sesal kemudian tidak berguna. |
| Etika dalam media sosial BT3:48 | ● **Dilarang mendedahkan maklumat sulit.** | ● Mengelakkan maklumat peribadi diguna bagi tujuan menipu. | ● Menukar kata laluan dua kali setahun.<br>● Tidak mendedahkan kata laluan di tempat terbuka. | ● Menjaga keselamatan akaun peribadi. | |
| | ● **Tidak menyebarkan aib, berita palsu, fitnah dan isu sensitif.** | ● Menghindar penyebaran maklumat palsu. | ● Penguatkuasaan undang-undang oleh Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia. | ● Dapat mengurangkan penyebaran berita-berita palsu. | |
| | ● **Tidak memberikan komen negatif.** | ● Berfikir sebelum bertindak. | ● Pengguna tidak boleh memberi komen negatif seperti kata-kata kesat atau menyentuh sensitiviti di ruang komen pengguna sosial yang lain. | ● Dapat mengurangkan perselisihan faham dan pergaduhan antara pengguna media sosial. | ● Kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa. |
| Keselamatan di sekolah | ● **Peranan Jawatankuasa Keselamatan Sekolah dan PIBG.** | ● Mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan. | ● Memaklumkan kepada ibu bapa / penjaga tentang jadual waktu dan aktiviti sekolah dan sebarang perubahan. | ● Dapat mengurangkan risiko kehilangan, kecederaan dan kemalangan dalam waktu persekolahan. | ● Malang tidak berbau. |
| | ● **Pihak sekolah menetapkan peraturan-peraturan di bilik-** | ● Menguar-uarkan peraturan keselamatan kepada murid-murid. | ● Mempamerkan poster atau peraturan keselamatan murid di sekolah di tempat-tempat terbuka. | ● Pelajar akan lebih peka akan keselamatan. | ● Sudah terhantuk baru tengadah. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **bilik khas serta padang sekolah.** | | | | |
| | • **Jawatankuasa Keselamatan Sekolah perlu mengadakan latihan kebakaran.** | • Memastikan pelajar mempunyai pengetahuan dan bertindak semasa kecemasan. | • Diadakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dua kali setahun. | • Pelajar akan bertindak mengikut tatacara keselamatan yang telah diuar-uarkan. | |
| Kelebihan e-dompet BT5:140 | • **Menjamin keselamatan diri.** | • Menggunakan aplikasi e-dompet.<br>• Digunakan untuk membayar bil, membeli makanan, membayar tol, perbelanjaan runcit dan petrol. | • Menggunakan aplikasi e-dompet yang mempunyai kad kredit atau kad debit untuk membuat pembayaran.<br>• Boleh membuat pembayaran melalui imbasan kod QR | • Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa. | • Malang tidak berbau. |
| | • **Menyimpan segala rekod perbelanjaan.** | • E-dompet menyimpan rekod jumlah transaksi yang dibuat untuk melihat rekod-rekod pembayaran dan membuat pengurusan perbelanjaan diri mahupun syarikat. | • Tidak perlu menyimpan resit dan menjaga alam sekitar. | • Dapat mengurus kewangan dengan lebih baik dan berkesan. | • Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. |
| | • **Pembayaran lebih pantas dan efisien.** | • Menggunakan rangkaian Internet. | • Tidak perlu beratur panjang di bank. | • Dapat mengurus masa dengan sistematik. | • Masa itu emas. |

| Tema 3 : Perpaduan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kepentingan perpaduan kaum | ● **Mewujudkan masyarakat yang harmoni.** | ● Masyarakat yang harmoni asas kepada keharmonian dan keamanan sesebuah negara. | ● Mampu mewujudkan masyarakat yang mementingkan sikap bekerjasama, hormat-menghormati. | ● Membuka ruang kepada pemimpin masyarakat meningkatkan usaha untuk memajukan negara. | ● Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.<br>● Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. |
| | ● **Kedaulatan negara akan terjamin.** | ● Tidak berlaku huru-hara dalam kalangan rakyat yang akan menjejaskan keamanan negara Malaysia. | ● Rakyat haruslah menjaga hubungan tanpa menyentuh isu sensitiviti kaum lain. | ● Mengelakkan tercetusnya rusuhan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadi sejarah hitam negara ini. | ● Telur sesangkak, pecah sebiji pecah semuanya. |
| | ● **Memajukan sektor pelancongan.** | ● Sektor pelancongan merupakan pemacu utama ekonomi negara. | ● Negara yang aman akan menarik lebih ramai pelancong asing.<br>● Ekonomi yang mantap dapat menarik pelabur asing melabur di Malaysia kerana pelabur tidak berasa bimbang untuk melabur di negara ini - keadaan aman dan damai. | ● Pendapatan negara akan meningkat. | |
| Usaha memupuk perpaduan kaum | ● **Ibu bapa menggalakkan anak-anak mempraktikkan amalan hidup bermasyarakat.** | ● Ibu bapa merupakan profesor pertama<br>● Anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya | ● Menyapa jiran.<br>● Mengunjungi jiran berlainan kaum semasa mereka sakit atau meraikan hari-hari tertentu seperti hari perayaan. | ● Anak-anak akan lebih mengenali jiran tetangga dan masyarakat setempat.<br>● Hubungan antara kaum semakin erat. | ● Sakit sama mengaduh, luka sama mengiuk. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ● **Kerajaan menganjurkan aktiviti kemasyarakatan.** | ● Kerana merupakan penggerak utama sesuatu program yang dirancang. | ● Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia dilihat sebagai satu ruang dan peluang masyarakat meningkatkan jati diri. | ● Dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat. | ● Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. |
| | ● **Menyambut perayaan pelbagai kaum di Malaysia.** | ● Setiap kaum mempunyai perayaan masing-masing. | ● Menghadiri rumah terbuka yang diadakan sempena hari perayaan yang disambut oleh sesuatu kaum seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, dan Krismas. | ● Dapat mengeratkan hubungan antara kaum.<br>● Mengenali budaya kaum lain. | ● Tak kenal maka tak cinta. |
| | ● **Rakyat menjadi warganegara yang baik berlandaskan Rukun Negara.** | ● Rukun Negara menjadi wadah dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu. | ● Masyarakat perlu memahami, menghayati, dan mengamalkan lima prinsip Rukun Negara contohnya Kesetiaan kepada raja dan negara. | ● Rukun Negara menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kestabilan dan kemakmuran negara. | ● Air orang disauk, ranting orang dipatah, adat orang diturut. (hendaklah patuh kepada undang -undang negeri). |
| | ● **Media massa perlu menyiarkan rancangan dan filem bertemakan perpaduan.** | ● Agen utama dalam mencetuskan dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. | ● Menyiarkan video pendek atau iklan bertemakan perpaduan kaum seperti iklan Petronas yang pernah ditayangkan oleh Stesen penyiaran TV3. | ● Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. | ● Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. |
| | ● **Sekolah menganjurkan** | ● Sukan merupakan agen perpaduan yang ampuh. | ● Menggalakkan penyertaan dan sokongan daripada | ● Hubungan baik antara kaum dapat | ● Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **kejohanan sukan tahunan.** | | murid pelbagai kaum dalam acara sukan seperti bola sepak, bola keranjang dan hoki. | dipupuk dari bangku sekolah lagi. | |
| **Tema 4: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika- Rujuk Tema 11** | | | | | |
| **Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraa**n | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| (Jati diri - sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adab, budaya, agama, yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu)<br><br>**Cara membentuk jati diri murid** | ● **Pihak sekolah memastikan murid mematuhi peraturan di sekolah.** | ● Sekolah merupakan agen utama dalam melahirkan generasi yang bersahsiah terpuji. | ● Menguatkuasakan peraturan disiplin di sekolah dalam aspek kekemasan diri, dan tidak melanggar peraturan sekolah seperti ponteng sekolah. | ● Murid akan berketerampilan menarik dan berbudi pekerti mulia. | ● Disiplin tinggi hidup berjaya. |
| | ● **Pihak sekolah perlu menghargai pencapaian pelajar.** | ● Naluri setiap manusia suka dihargai.<br>● Menyuntik semangat murid untuk menjadi murid yang cemerlang. | ● Pihak sekolah perlu mengadakan hari kecemerlangan pelajar bagi menghargai pencapaian pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah terpuji. | ● Mengekalkan keperibadian mulia dalam diri dan menjadi contoh kepada murid yang lain. | ● Suri teladan. |
| | ● **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Majlis Guru Kaunseling Malaysia perlu mengadakan program bagi membentuk** | ● Mendidik murid agar sentiasa memiliki jati diri yang kukuh. | ● Mengadakan kem pemimpin muda, program motivasi. | ● Melahirkan murid yang berkualiti dan berpotensi bagi memenuhi aspirasi negara. | ● Pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **sahsiah dan jati diri murid.** | | | | |
| | ● **Pelaksanaan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) di sekolah.** | ● Mendorong pelajar untuk mengamalkan amalan baik. | ● Penggunaan aplikasi *Student QR* untuk merekod amalan baik yang dilakukan oleh murid seperti menolong guru, menghormati guru dan berpakaian kemas. | ● Melahirkan murid yang lebih berdisiplin.<br>● Murid berlumba-lumba untuk membuat amalan baik. | ● Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali. |
| **Tema 6 : Sains, Teknologi dan Inovasi** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Manfaat teknologi maklumat dan komunikasi kepada murid BT4:228 | ● **Menjadikan proses pembelajaran lebih seronok.** | ● Dapat belajar secara berkumpulan. | ● Boleh berkongsi bahan-bahan pembelajaran.<br>● Lebih interaktif dan menarik. | ● Pembelajaran lebih efektif. | |
| | ● **Meningkatkan kefahaman murid terhadap pelajaran.** | ● Murid mudah mengakses tajuk yang dipelajari semasa sesi pembelajaran. | ● Murid melayari Internet untuk meneroka maklumat seperti *Youtube* dan laman sesawang pendidikan. | ● Meningkatkan ilmu pengetahuan dan maklumat dapat diperoleh dengan pantas. | ● Maklumat di hujung jari. |
| | ● **Membuka ruang untuk pembelajaran kendiri.** | ● Pembelajaran berlaku tanpa bimbingan guru di sekolah. | ● Murid mengikuti pembelajaran secara maya yang dianjurkan oleh Akademi Youtuber (AYU). | ● Pembelajaran dapat berlangsung sepanjang masa. | ● Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. |
| | ● **Memudahkan proses mengakses maklumat.** | ● Lebih mudah mendapat maklumat terkini. | ● Maklumat boleh dicari menggunakan aplikasi *Google* dan *Youtube*. | ● Menambah ilmu pengetahuan.<br>● Sentiasa peka dengan isu-isu terkini. | ● Tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung. |
| Manfaat media sosial kepada masyarakat. | ● **Menjadi sumber informasi terkini.** | ● Menambah informasi dalam pelbagai aspek | ● Agensi wartawan atau berita dapat menyampaikan secara terus dengan | ● Memperoleh informasi terkini dan tidak perlu menunggu masa | ● Maklumat di hujung jari. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Facebook, Instagram, Twitter | | • Tidak terhad kepada penulisan malah bentuk video-laman sosial lebih interaktif. | menyampaikan informasi terkini dalam media sosial.<br>• Pelajar-dapat menyiapkan tugasan dengan merujuk bahan yang dikongsi dalam media sosial. | yang lama untuk mendapatkan maklumat terkini atau semasa.<br>• Melahirkan masyarakat yang Celik IT. | |
| | • **Menjana pendapatan.** | • Promosi dan produk dapat diketengahkan kepada golongan sasaran.<br>• Kos lebih rendah. | • Pengusaha produk boleh memanfaatkan media sosial dengan memaparkan testimoni melalui media sosial. | • Mampu melariskan produk dan menjana pendapatan yang lumayan. | • Batu loncatan. |
| | • **Mengeratkan hubungan.** | • Berkongsi semua perkara dengan ahli keluarga atau sahabat yang berada jauh. | • Dengan perkongsian gambar-gambar dan panggilan video terutama pada musim perayaan. | • Mewujudkan suasana yang harmoni. | • Yang jauh didekatkan, yang dekat dirapatkan, yang rapat diserasikan. |
| | | | | | |

| Tema 7: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kepentingan hutan paya bakau kepada biodiversiti BT5:124 | ● **Mengurangkan pencemaran udara.** | ● Menjamin kehidupan yang lebih sihat. | ● Sifat daun pokok bakau yang menyerap dan memerangkap habuk di udara. | ● Hidupan dapat menghirup udara yang segar dan bersih. | ● Sediakan payung sebelum hujan. |
| | ● **Mencegah hakisan tanah.** | ● Pokok bakau tumbuh di tebing-tebing sungai sebagai benteng daripada tanah dihakis oleh air sungai mahupun air laut. | ● Pokoknya kuat mencengkam tanah dan tumbuh secara rapat-rapat membentuk satu pertahanan yang kuat. | ● Mengelakkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur. | ● Cegah sebelum parah. |
| Cara melestarikan alam sekitar/ Kitar Semula<br><br>-Pihak kerajaan<br>-Ibu bapa<br>-Pihak sekolah<br>-Media massa | ● **Pihak kerajaan memperkasakan Program Kitar Semula di semua peringkat.** | ● Jumlah sampah yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia semakin meningkat saban hari.<br>● Pertambahan populasi penduduk, jumlah sisa pepejal turut meningkat. | ● Sisa-sisa domestik diasingkan mengikut kategori 3R iaitu "Reduce, Reuse & Recycle".<br>● Aluminium, kertas dan kaca. | ● Dapat mengurangkan kos pelupusan sisa-sisa domestik.<br>● Melatih penduduk menguruskan sisa pepejal secara sistematik.<br>● Dapat menjana pendapatan sampingan menerusi pengumpulan bahan kitar semula. | ● Sambil menyelam minum air. |
| | ● **Pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang**<br>- **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** | ● Jabatan Alam Sekitar berperanan untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran alam | ● Mengenakan denda yang maksimum kepada pesalah alam sekitar iaitu RM100 ribu. | ● Meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjaga alam sekitar.<br>● Menimbulkan rasa takut. | ● Cegah sebelum parah. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | sekitar dengan tegas. | | | |
| | ● **Ibu bapa mendidik anak-anak mencintai alam sekitar sejak kecil.** | ● Ibu bapa merupakan profesor pertama anak-anak. | ● Mengasingkan barang buangan.<br>● Menyediakan tong sampah yang berwarna mengikut jenis bahan buangan (Coklat, Biru, Jingga).<br>● Mengajar anak mengumpul bahan buangan seperti tin aluminium dan surat khabar dan dibawa ke pusat kitar semula. | ● Melahirkan anak-anak yang berpengetahuan mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.<br>● Membentuk jati diri anak-anak dalam menjaga alam sekitar. | ● Bagaimana acuan begitulah kuihnya.<br>● Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |
| | ● **Pihak sekolah menubuhkan Kelab Alam Sekitar.** | ● Pihak sekolah merupakan agen / alat / tempat untuk memberi pendedahan / pengajaran awal tentang alam sekitar / kitar semula. | ● Mengadakan aktiviti mengutip sampah semasa aktiviti kokurikulum atau sukaneka.<br>● Mengadakan ceramah dan kuiz tentang aktiviti menjaga alam sekitar dengan menjemput pegawai dari Jabatan Alam Sekitar.<br>● Mengadakan pameran aktiviti kitar semula dengan kerjasama pihak sekolah dengan pihak luar.<br>● Mengadakan pertandingan mengarang tentang | ● Murid akan mendapat pengetahuan tentang penjagaan alam sekitar.<br>● Menyuntik kesedaran dalam kalangan murid sejak di bangku sekolah. | ● Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Kepentingan Menjaga Alam Sekitar. | | |
| | ● **Media massa menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat mengenai penjagaan alam sekitar.** | ● Media massa merupakan medium utama menyampaikan maklumat dengan cepat dan pantas diakses oleh masyarakat. | ● Maklumat tentang alam sekitar disampaikan melalui televisyen, radio dan Internet dari semasa ke semasa supaya masyarakat tidak ketinggalan untuk mendapatkan maklumat. | ● Menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menjaga alam sekitar.<br>● Masyarakat bekerjasama / berkolaboratif menjaga alam sekitar. | ● Bagai aur dengan tebing. |
| Kesan lambakan sisa elektronik kepada alam sekitar BT5:128 | ● **Mengancam kesihatan manusia.** | ● Mengandungi bahan kimia berbahaya. | ● Bahan kimia seperti asid, pelarut, raksa dan plumbum. | ● Bahan kimia ini akan menyebabkan kebolehnyalaan, menghakis, bertindak balas dan bertoksik. | ● Bergantung pada rambut sehelai. |
| Kesan mobiliti hijau BT5:130 | ● **Mengurangkan masalah kesihatan.** | ● Melibatkan pergerakan fizikal manusia. | ● Berbasikal, berjalan. | ● Kehidupan masyarakat akan lebih sihat dan bebas daripada karbon dioksida. | ● Mencegah lebih baik daripada mengubati. |
| Kesan kepupusan hidupan liar kepada ekosistem BT5:132 | ● **Kehilangan hasil hutan yang berharga.** | ● Hasil hutan yang pupus kerana dimusnahkan oleh manusia | ● Pembalakan haram, pembakaran hutan dan pencemaran alam sekitar. | ● Khazanah hutan tidak dapat diwarisi oleh generasi akan datang. | |
| Kebaikan teknologi hijau | ● **Mengurangkan pencemaran alam sekitar.** | ● Pengurangan pembebasan gas karbon dioksida. | ● Penggunaan kereta elektrik dan kuasa solar. | ● Dapat menghirup udara yang bersih dan segar. | ● Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kesan kemusnahan alam sekitar | • **Menjejaskan kesihatan.** | • Sistem pernafasan akan menyerap patogen berbahaya. | • Batuk, asma, sakit mata. | • Tidak dapat menjalani kehidupan yang sempurna. | |
| **Tema 8 : Pertanian, Penternakan dan Perikanan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kebaikan herba (kari, tepus tanah, teratai, telang, kunyit, asam gelugur, senduduk, cengkih, kemangi) BT5:84-85 | • **Penyembuhan dan pencegahan penyakit.** | • Herba mengandungi khasiat dan nutrien yang tersendiri yang mampu mengubati penyakit | • Disampaikan secara turun temurun dari satu generasi ke generasi. | • Aktiviti pengkomersialan herba sebagai produk kesihatan telah meningkat secara mendadak. | • Cendawan tumbuh selepas hujan. |
| Kebaikan penternakan ikan (ikan hiasan seperti ikan kaloi, ikan gupi, ikan emas, ikan gupi) BT5:90 | • **Menjana pendapatan masyarakat.** | • Memanfaatkan sumber yang dimiliki di kawasan tertentu. | • Mempromosikan dan mengkomersialkan produk penternakan di media massa. | • Meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat. | • Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. |
| Kelebihan penternakan ayam (ayam piru, ayam daging) BT5:86 | • **Meningkatkan ekonomi negara.** | • Penternak menjual ayam dan mendapat keuntungan yang tinggi. | • Ayam dipasarkan di dalam dan di luar negara. | • Negara akan lebih maju dan stabil dari segi ekonomi. | • Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. |
| Kepentingan Pertanian<br><br>-Penternakan<br>-Perikanan | • **Meningkatkan pendapatan negara.** | • Sumber pertanian / penternakan / perikanan yang cukup untuk permintaan domestik dan | • Malaysia menjadi pengeluar utama bagi kelapa sawit dan getah. | • meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui pengeksportan tanaman. | • Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pasaran antarabangsa. | | | |
| | ● **Mewujudkan bekalan makanan negara yang mencukupi.** | ● Negara menghasilkan dan membekalkan bekalan makanan secara domestik dan tidak bergantung kepada industri import. | ● Beras boleh dijual dengan harga yang murah dan dapat dinikmati oleh masyarakat. | ● Tidak akan menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan pada masa ini dan masa akan datang. | ● Sediakan payung sebelum hujan. |
| | ● **Pembangunan kawasan pedalaman dari segi pekerjaan.** | ● Pembangunan yang pesat akan berlaku sekiranya kawasan pertanian dimajukan. | ● Peluang pekerjaan yang luas seperti petani moden dan pengurus jualan. | ● Mengelakkan pengangguran dan meningkatkan taraf hidup pertanian. | ● Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. |
| | ● **Meningkatkan imej negara.** | ● Pertanian merupakan bidang ekonomi yang utama kepada negara. | ● Negara dikenali sebagai negara yang kaya dengan hasil pertanian seperti kelapa sawit dan getah. | ● Negara akan terus maju dan negara luar akan berminat untuk melabur di negara kita.<br>● Negara akan dipandang tinggi oleh negara luar. | ● Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. |
| Langkah Meningkatkan Sektor Pertanian | ● **Pihak kerajaan mengubah kaedah pertanian.** | ● Anjakan paradigma diusahakan supaya hasil pertanian menjadi lebih berkualiti dan dan kuantiti produk dapat ditingkatkan. | ● Menggunakan teknologi terkini seperti mesin GPS, sensor, kecerdasan buatan (AI), dron, robotik dan teknologi RFID. | ● Hasil pertanian semakin meningkat dan petani tidak mengalami risiko kerugian. | |
| | ● **Pihak kerajaan memberi bantuan** | ● Penerapan kaedah yang | ● Agensi kerajaan Institut Penyelidikan dan | ● Dengan adanya peruntukan bajet | Bukit sama didaki, lurah sama dituruni. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **insentif dan bengkel kemahiran.** | menggunakan teknologi tinggi yang memerlukan kepakaran pekerja yang mampu membimbing petani menghasilkan produk terbaik.<br>● Sektor pertanian mendapat insentif sebagai modal untuk petani beralih kepada kaedah berteknologi tinggi. | Kemajuan Pertanian (MARDI) menjadi penggerak dalam memajukan sektor pertanian. | yang mencukupi dan bimbingan yang tepat, sektor pertanian dapat dijalankan dengan baik. | |
| | ● **Pihak kerajaan membuka kawasan pertanian baharu.** | ● Kawasan pertanian dibuka mengikut kadar pertumbuhan dan permintaan pengguna.<br>● Permintaan yang tinggi daripada masyarakat menyebabkan kuantiti produk perlu ditambah bagi menampung keperluan pengguna. | ● Jabatan Pertanian telah memperkenalkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dengan kerjasama kerajaan negeri.<br>● Sebahagian tanah telah digazetkan sebagai tanah pertanian kekal dan menggalakkan aktiviti pertanian secara komersial dan berskala besar. | ● Masyarakat akan mengetahui dan melihat hasil pertanian adalah menguntungkan dan membantu meningkatkan ekonomi diri dan negara. | ● Tak kenal maka tak cinta. |
| | ● **Pihak kerajaan menggalakkan masyarakat** | ● Negara kita dikurniakan sumber seperti air | ● Produk tani tempatan telah dipelbagaikan di mana satu jenis hasil | ● Masyarakat dapat memberi suntikan insentif kepada | ● Alah membeli, menang memakai. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **membeli produk tempatan.** | dan tanah yang sesuai dan mencukupi untuk dijadikan sektor pertanian. | seperti buah strawberi boleh dijadikan sambal, jem dan jus minuman. | sektor pertanian untuk mengorak langkah dalam memajukan sektor pertanian. | |
| **Tema 9 : Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan kewangan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kad kredit<br>Kesan/kebaikan<br>BT 5: 115<br> | ● **Menjejak perbelanjaan seharian.** | ● Merekod perbelanjaan wang. | ● Muat turun aplikasi perbankan yang menawarkan kad kredit untuk muat turun penyata kad kredit . | ● Dapat memantau perbelanjaan | ● Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. |
| | ● **Digunakan pada waktu kecemasan wang tunai** | ● Sebagai pengganti duit tunai ketika waktu kecemasan. | ● Memudahkan urusan pembayaran ketika memerlukan wang dengan segera. Contoh kemalangan dan pembelian ubat-ubatan. | ● Dapat digunakan di mana-mana premis yang mempamerkan jenama kad kredit. | ● Masyarakat tanpa tunai. |
| | ● **Mengurangkan risiko kehilangan, kecurian dan rompakan** | ● Risiko untuk kehilangan wang tunai dan kes rompakan dapat dikurangkan. | ● Pengguna hanya membawa kad kredit untuk sebarang urusan pembayaran. | ● Dapat mengelakkan daripada berlaku kerugian. | |
| Kebaikan membeli barangan buatan Malaysia<br>BT 4:153 | ● **Menggalakkan pembangunan industri tempatan.** | ● Untuk memperkenalkan nama negara di persada dunia. | ● Mengadakan promosi dalam kempen Tahun Melawat Malaysia. | ● Nama negara akan lebih dikenali seantero dunia. | ● Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. |
|  | ● **Mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing.** | ● Mengurangkan masalah inflasi dalam negara. | ● Kempen Jualan Akhir tahun dan Kempen ‘Belilah Barangan Buatan Malaysia’. | ● Menjimatkan kos dan perbelanjaan seharian. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA | • **Menyemai semangat cinta akan negara.** | • Rakyat akan lebih menghargai hasil produk tempatan. | • Menjual hasil kraftangan buatan tempatan seperti songket dan batik. | • Hasil produk tempatan lebih dikenali. | • Tak kenal maka tak cinta. |
| Kebaikan membayar cukai BT 4 : 150   | • **Menjadi sumber dana kerajaan untuk menyediakan keperluan asas rakyat.** | • Untuk menguruskan keselamatan, ekonomi dan kebajikan rakyat. | • Melaksanakan sistem cukai yang efektif. Contoh e-Filing . | • Cukai dapat digunakan untuk meringankan beban sara hidup rakyat . Contohnya pemberian subsidi seperti minyak dan bahan makanan asas. | • Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih. |
| | • **Cukai yang dikenakan kepada barangan seperti rokok, arak dan perjudian.** | • Mengurangkan aktiviti tidak sihat daripada terus berleluasa dalam masyarakat. | • Mengenakan cukai jualan kepada pengimport barangan jualan seperti rokok dan arak. | • Masyarakat akan kurang terjebak dalam aktiviti tidak sihat. | • Cegah sebelum parah. |
| **Tema 10 : Pelancongan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Faedah melancong BT5:102 | • **Merehatkan minda dan fizikal.** | • Masyarakat hari ini terbeban dengan urusan pekerjaan yang tidak berkesudahan. | • Dengan pergi melancong di dalam negara dan negara luar lain. | • Dapat menghiburkan hati seseorang. | • Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
|  | ● **Menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman.** | ● Malaysia kaya dengan tempat bersejarah dan menarik untuk dikunjungi. | ● Melawat ke tempat-tempat bersejarah seperti Kota A Famosa, Langkawi Pulau Legenda, Pulau Perhentian dan Cameron Highlands. | ● Dapat mengetahui sejarah dan keunikan sesebuah tempat yang dikunjungi. | ● Jauh perjalanan luas pemandangan. |
| | ● **Merapatkan hubungan silaturahim.** | ● Aktiviti melancong membolehkan ahli keluarga, rakan sekerja dan teman rapat meluangkan masa bersama. | ● Menyertai aktiviti pelancongan seperti Cuti-cuti Malaysia dan Cuti-cuti Borneo | ● Dapat mengenali dan menghargai antara satu sama lain. | ● Tak kenal maka tak cinta. |
| Ciri-ciri pelancong yang bijak<br>BT 4: 78 | ● **Memilih untuk berjalan kaki atau menggunakan pengangkutan awam.** | ● Berpeluang menikmati suasana perjalanan dengan lebih dekat dan mesra. | ● Menggunakan sewaan basikal di sekitar hotel dan tempat-tempat pelancongan. | ● Mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. | ● Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis. |
|  PELANCONGAN HIJAU | ● **Mengambil tahu, menyokong dan menyertai kegiatan setempat yang berkaitan dengan kelestarian alam.** | ● perlu menjaga hubungan baik dengan masyarakat setempat. | ● Menyertai gotong-royong atau aktiviti yang dianjurkan oleh 'Trash Hero'. | ● Mengeratkan hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat dan mengelakkan berlakunya aktiviti vandalisme. | bagai aur dengan tebing |
| Persediaan sebelum melancong | ● **Mendapatkan informasi tentang tempat yang hendak dikunjungi.** | ● Maklumat sesebuah tempat perlu diketahui agar kita tidak menjadi kera sumbang. | ● Mengetahui tempat-tempat menarik, makanan, budaya masyarakat setempat. | ● Memberi keyakinan untuk mengunjungi sesebuah tempat. Contoh keselamatan lebih terjamin. | ● Jauh perjalanan,luas pemandangan. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | • **Menyediakan keperluan untuk melancong.** | • Mengelakkan berlakunya sebarang musibah sepanjang perjalanan. | • Menyediakan keperluan asas seperti pakaian, kewangan, dan lain-lain untuk dibawa bersama. | • Sebarang musibah yang berlaku atau akan berlaku dapat dielakkan. | • Sediakan payung sebelum hujan. |
| | • **Memastikan dokumen perjalanan lengkap.** | • Memastikan maklumat pelancong dapat diketahui seperti waris yang boleh dihubungi sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. | • Melengkapkan dokumen yang diperlukan seperti pasport di jabatan imigresen, insurans dan tiket perjalanan dibawa bersama. | • Apabila berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini, keselamatan terjaga dan bantuan segera dapat diberikan. | Berjalan pelihara kaki, berkata pelihara lidah. |
| Pelancongan gastronomi (melancong untuk menikmati makanan) BT4:72 | • **meningkatkan pengetahuan dan pengalaman.** | • berpeluang mencuba dan merasai sesuatu yang baru (makanan tempatan yang ada di sesuatu destinasi pelancongan) | • melancong dan menikmati makanan di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di sesuatu tempat.<br>• Terengganu, (Kuala Terengganu : Laksa Terengganu, laksam, nasi dagang, keropok lekor, singgang, masak gulai)<br>• Kelantan (Kota Bharu : nasi ulam, nasi kerabu, nasi kukus ayam berempah,nasi kerabu daging bakar, martabak raja, sotong sumbat) | • Mendekatkan diri dengan makanan dan budaya makanan tempatan.<br>• Pengalaman dan persepsi yang baik dikongsi bagi menjelaskan keistimewaan sesuatu makanan yang menjadi tarikan di sesebuah tempat. | Tak kenal maka tak cinta |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kepentingan arkeopelancongan B5T:104 | ● **berpeluang untuk meneroka khazanah prasejarah yang diiktiraf dunia** | ● Setiap negara mempunyai lakaran sejarah tersendiri.<br>● Menjadi identiti yang dikenal pasti sebagai produk yang boleh diketengahkan kepada masyarakat umum dan pelancong dari luar negara. | ● Melalui lawatan berpandu oleh ahli-ahli arkeologi<br>● Arkeopelancongan di Lembah Lenggong, Hulu Perak telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012. Kajian di Lembah Lenggong sejak 30 tahun telah menemukan banyak bukti prasejarah. | ● Dikongsi dengan segenap masyarakat dari dalam dan luar negara melalui program arkeopelancongan. | |
| Ekopelancongan (pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semula jadi) BT4:76 | ● **melarikan diri daripada kesibukan kota** | ● merehatkan minda dan badan daripada kesibukan kerja dan kota. | ● melancong ke tempat-tempat yang mempunyai khazanah yang masih dipelihara seperti hutan simpan Bukit Bauk dan Taman Negara Kinabalu. | ● Memberi ketenangan dalam jiwa pelancong. | |
| | ● **Mendambakan ketenangan** | ● setiap individu memerlukan ruang ketenangan mereka sendiri. | ● Merancang percutian ke tempat- tempat yang memberikan ketenangan jiwa seperti pulau perhentian. | ● Pelancong akan lebih berasa lebih tenang sekembali daripada melancong. | |
| | ● **Menginginkan pemandangan yang menakjubkan** | ● Bentuk geografi yang unik.<br>● khazanah alam sekitar yang masih terpelihara | ● berkunjung ke destinasi yang mempunyai bentuk muka bumi masih dipelihara seperti Gunung Kinabalu dan Gunung Stong | ● Dapat menikmati keindahan flora dan fauna | |
| Agropelancongan | ● **mempelajari jenis -jenis tanaman** | ● menambah pengetahuan diri | ● melawati tempat-tempat yang mengusahakan pertanian secara | ● Masyarakat setempat dapat menambah pendapatan | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **yang ada di Malaysia** | dalam bidang pertanian. | komersial seperti pusat penerangan dan santuari penyu Cherating Pahang. | | |
| | ● **menikmati hasil pertanian yang dikeluarkan di Malaysia** | ● hasil pertanian yang dikeluarkan dapat dinikmati semasa melancong. | ● Berkunjung ke tempat-tempat pengeluaran hasil pertanian seperti ladang buah dan sayuran di Cameron Highlands | ● Dapat merasai buah-buahan dan sayuran tempatan | |
| | ● **merasai sendiri pengalaman pertanian di Malaysia** | ● mengenali kaedah pertanian yang terdapat di Malaysia | ● melawati tempat-tempat yang mengusahakan pertanian secara komersial seperti Muzium padi di Alor Setar Kedah. | ● Memupuk minat generasi muda dalam biadng pertanian | ● tak kenal maka tak cinta |
| Pelancongan kesihatan. (Aktiviti individu atau pesakit yang melancong ke negara lain untuk mendapatkan rawatan dan perkhidmatan kesihatan) | ● **kos perubatan yang berpatutan.** | ● menjimatkan kos perbelanjaan semasa mendapatkan rawatan | ● Mendapatkan rawatan di tempat - tempat yang menawarkan kos perubatan yang berpatutan seperti di Prince Court Medical Center, Kuala Lumpur. | ● Dapat menyumbang ekonomi negara | ● sambil menyelam minum air |
| | ● **Kemudahan yang moden** | ● Pusat-pusat spa mewah dan terkemukan yang menyediakan rawatan altenatif menggunakan herba. | ● Pusat - pusat spa dan pusat rawatan yang menawarkan kemudahan teknologi peralatan yang canggih dan menyakinkan daripada segi promosi seperti Hannan Medi Spa dan Tanamera | ● Meningkatkan perkhidmatan kesihatan | |
| | ● **Kemudahan penginapan** | ● prasarana menarik yang ditawarkan berteknologi | ● dengan .mendapatkan rawatan terapi seperti rawatan spa di Four | ● Membantu pertumbuhan pusat | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | moden serta canggih | Season Resort, Langkawi | rawatan yang kondusif | |
| Pelancongan sukan. | • **Memajukan industri pelancongan dan perhotelan** | • mengenali tempat -tempat menarik yang dikunjungi selain menyertai pertandingan sukan yang dianjurkan | • menganjurkan acara sukan secara berprestij seperti sukan Olimpik, sukan Komanwel dan sukan Asia. | • Para pelancong akan lebih mengenali keunikan tempat yang menjadi penganjuran sukan | |
| **Tema 11 : Sejarah dan Warisan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kepentingan mempelajari Sejarah. BT4:107 | • **Dapat mengelakkan diri daripada mengulangi sesuatu kesilapan.** | • Banyak kesilapan berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. | • Negara kita pernah dijajah oleh negara asing sejak tahun 1511 hingga 1957 - titik hitam - kesilapan yang dilakukan ini tidak harus diulangi oleh generasi kini. | • Kesilapan dahulu sepatutnya dijadikan pengajaran manakala kebaikan yang dicapai harus diteruskan. | • Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. |
| | • **Sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa.** | • Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. | • Mata pelajaran Sejarah – alat untuk mendidik rakyat untuk menyayangi negara tercinta.<br>• Generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap bangsa dan pembangunan negaranya. | • Rakyat yang mengenali sejarah akan bersikap lebih menghargai tanah airnya. | |
| | • **Rakyat lebih memahami perlembagaan dan undang-undang dalam** | • Sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. | • Rakyat tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara | • Rakyat tidak akan melakukan suatu yang bertentangan dengan | • Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **pembentukan negara ini.** | | ● Tidak melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik negara - menjauhi perbuatan jenayah, rasuah. | perlembagaan negara. | |
| | ● **Penghayatan sejarah dapat membentuk semangat patriotisme.** | ● Pengetahuan tentang sejarah dapat melahirkan rasa bangga terhadap negara. | ● Mata pelajaran Sejarah mendedahkan tokoh-tokoh pejuang tanah air kepada murid - akan mengenali perjuangan tokoh menentang penjajah yang menindas rakyat di negara ini suatu ketika dahulu. | ● Pengalaman lampau merupakan satu rujukan untuk dijadikan teladan dalam merencanakan masa depan. | ● Pisang tidak berbuah dua kali |
| Langkah-langkah mempopularkan permainan tradisional  | ● **Ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan permainan tradisional sejak kecil.** | ● Permainan tradisional merupakan satu warisan nenek moyang. | ● Ibu bapa membuat peralatan atau membeli permainan tradisional. | ● Anak-anak tidak melupakan cara bermain permainan warisan ini. | ● Melentur buluh biarlah daripada rebungnya. |
| | ● **Pihak sekolah menganjurkan pertandingan permainan tradisional.** | ● Murid kaum lain dapat mempelajari pelbagai jenis permainan tradisional sesuatu kaum. | ● Menjadikan salah satu pengisian kokurikulum. | ● Dapat memupuk nilai hormat-menghormati warisan dan budaya pelbagai kaum. | ● Tak kenal maka tak cinta. |
| | ● **Kerajaan mengadakan kempen kenali permainan tradisional** | ● Dapat menyedarkan masyarakat tentang kepentingan mempelajari dan mengekalkan permainan ini. | ● Kempen dilaksanakan secara besar-besaran melalui media massa atau laman sosial secara besar-besaran. | ● Mendekatkan masyarakat dengan permainan tradisional. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Faedah bermain permainan tradisional | ● **Memanfaatkan masa senggang.** | ● Dapat mengisi masa dengan aktiviti yang berfaedah. | ● Bermain permainan seperti congkak, galah panjang dan ketingting. | ● Dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala sosial. | ● Masa itu emas. |
| | ● **Menajamkan fikiran.** | ● Pemain perlu mengetahui strategi bermain dan memenangi permainan. | ● Permainan tradisional seperti congkak dan batu seremban bukanlah mudah kerana pemain perlu bijak mengatur strategi supaya tidak kalah. | ● Kesannya permainan tradisional mampu melahirkan individu yang kreatif dan kritis berfikir. | ● Celik akal. |
| | ● **Melestarikan warisan.** | ● Permainan tradisional merupakan permainan warisan yang perlu dikekalkan dari generasi ke generasi. | ● Ibu bapa mengajar anak-anak bermain permainan tradisional seperti gasing dan wau. | ● Tidak akan dilupakan oleh generasi muda. | ● Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. |
| Faktor yang menyebabkan kuih tradisional semakin dilupakan | ● **Rupa bentuk yang kurang menarik.** | ● Bentuk tidak bervariasi / tidak diubah. | ● Kuih dibalut menggunakan daun pisang. | ● Generasi muda tidak tertarik untuk mencuba. | |
|  | ● **Proses penyediaannya yang rumit.** | ● Mengambil masa yang lama. | ● Tiada resipi standard-sukatan-cawan. | ● Kuih tradisional hanya dibuat oleh generasi lama. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
|  | • **Lambakan makanan dari negara luar / asing.** | • Makanan dari luar negara mudah diperoleh | • Pelbagai premis makanan dari negara Korea dibuka di kawasan tumpuan awam. | • Generasi muda lebih mengagungkan makan negara luar berbanding kuih tradisional. | |
| | • **Anak-anak tidak didedahkan dengan kuih tradisional oleh ibu bapa.** | • Ibu bapa sukar mendapatkan ramuan atau peralatan untuk membuat kuih tradisional. | • Sukar mendapatkan buluh untuk membuat lemang. | • Anak-anak tidak mengenali dan menyukai kuih tradisional. | |
| Langkah mempopularkan kuih tradisional. | • **Ibu bapa mendedahkan anak-anak dengan kuih tradisional** | • Anak-anak dapat merasai keistimewaan dan keenakan juadah turun-temurun nenek moyang. | • Pendedahan tentang kuih tradisional melalui pembacaan atau dijadikan hidangan dalam menu. | • Kuih tradisional sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan anak-anak. | |
| | • **Masyarakat mempopularkan kuih tradisional di media sosial.** | • Media sosial dapat mempengaruhi masyarakat tanpa mengira usia. | • Menghasilkan media sosial yang khusus untuk mengajar masyarakat tentang penghasilkan kuih tradisional seperti kuih karas. | • Masyarakat dapat melihat, membuat dan merasai keenakan kuih tradisional. | |
| Kepentingan mempelajari seni pertahanan diri. | • **Dapat melindungi diri daripada ancaman fizikal** | • Ancaman jenayah boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan bila-bila sahaja. | • Dengan mempelajari seni mempertahankan diri seperti silat, kita dapat mengetahui tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku ancaman. | • Mental kita akan lebih bersedia untuk membuat keputusan yang betul dan bertindak dengan wajar kerana situasi hanya dapat dipelajari sekiranya | • Sediakan payung sebelum hujan. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | kita mempunyai pengetahuan tentang seni mempertahankan diri. | |
| | • **Dapat memberikan kecergasan fizikal.** | • Seni mempertahankan diri membina ketangkasan koordinasi mata dan tangan terutamanya golongan kanak-kanak menerusi pelbagai pergerakan yang dipelajari. | • Aktiviti melibatkan kardiovaskular seperti berlari dan berjoging merupakan asas dalam seni mempertahankan diri asas dalam mempertahankan diri. | • Izharnya, seni bela diri menjadi satu wadah untuk mengelakkan diri daripada terkena sebarang penyakit. | • Mencegah lebih baik daripada merawat. |
| | • **Dapat meningkatkan disiplin diri.** | • Seni bela diri mementingkan awalan emosi sebelum melakukan tindakan. | • Kita perlu bersikap rasional dan realistik dalam membuat apa-apa keputusan atau tindakan. | • Situasi ini secara tidak langsung dapat membentuk jati diri dengan nilai-nilai positif dan berguna. | • Alah bisa tegal biasa. |
| **Tema 12 : Sukan dan Rekreasi** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kepentingan sukan air. BT4:4 *(berkayak,luncur jet,luncur air,bersnorkel,selam skuba)* | • **Mampu meningkatkan stamina, kecergasan fizikal dan kecerdasan minda.** | • Meningkatkan kualiti hidup. | • Aktiviti berkayak-pengalaman menyelusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina - jantung berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke | • Kekal sihat & memiliki berat badan yang ideal. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | seluruh tubuh - berlaku pembakaran lemak dalam badan. | | |
| | • **Mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri.** | • Kebanyakan sukan air melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mesti mematuhi arahan yang diberikan. | • Aspek keselamatan perlu diutamakan-selam skuba – sukan air secara berkumpulan memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman dan perpaduan yang erat. | • Nilai murni dapat diterapkan - keberanian, yakin diri, menghargai masa. | |
| E-Sukan BT4:6 (permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan dengan penuh semangat kesukanan) | • **Mampu menjana pendapatan yang lumayan.** | • Semakin besar pertandingan, wang terkumpul yang ditawarkan semakin besar. | • Penganjuran kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti *Dota 2*, *Counter Strike* dan *Multiplayer Online Banttle Arena* (MOBA) | • Menjana pertumbuhan ekonomi.<br>• Membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat.<br>• Kesedaran teknologi sebagai hiburan. | • Alang-alang berdakwat biarlah hitam. |
| | • **Melahirkan atlet e-sukan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa** | • Memerlukan kecekapan atlet dan semangat kerja berpasukan untuk memperoleh kemenangan. | • *Multiplayer Online Battle Arena* (MOBA) - permainan dengan misi utama untuk menerobosi kubu pertahanan dan menghancurkan markas lawan | • Melahirkan masyarakat yang mementingkan kejayaan dalam setiap pertandingan.<br>• mengharumkan nama negara apabila memenangi kejohanan dunia dalam e-sukan. | • Usaha tangga kejayaan. |
| | • **Peningkatan kesedaran dalam teknologi.** | • Teknologi kini bersifat dinamik dan membantu kehidupan masyarakat. | • E-sukan mendorong perkembangan dan inovasi dalam peranti permainan seperti komputer permainan, konsol, papan kekunci | • Memberi nilai tambah kepada pemain dalam teknologi dan pembangunan perisian e-sukan. | • Zaman beralih musim bertukar.<br><br>• Zaman atom. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dan tetikus yang canggih. | | |
| **Tema 13 : Perindustrian** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Faktor perkembangan pesat perindustrian | ● **Dasar / polisi kerajaan** | ● Mengadakan promosi dan taraf perintis. | ● Berkembang dengan adanya promosi, galakan pelaburan. | ● Perindustrian terus maju dengan adanya sokongan daripada kerajaan. | |
| | ● **Latihan dan kemahiran** | ● Kerajaan menyediakan banyak institut kemahiran - memberi peluang kepada belia melanjutkan pelajaran. | ● Giat Mara Malaysia, Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Vokasional. | ● Tenaga mahir dapat ditingkatkan - seterusnya menjana ekonomi negara. | |
| | ● **Modal** | ● Memberi galakan kepada belia untuk menceburi pelbagai bidang industri setelah tamat latihan. | ● Tabungan sendiri, modal bersama dengan rakan kongsi, bantuan daripada kerajaan, pinjaman daripada bank. | ● Lebih banyak peluang pekerjaan dan usahawan dalam industri kecil dan sederhana (IKS) dapat dibangunkan dengan adanya modal. | |
| | ● **Pasaran** | ● Medium untuk memasarkan produk yang dikeluarkan oleh sesebuah perusahaan. | ● Menghasilkan barangan yang berkualiti, membuat pengiklanan dan promosi, melebarkan pasaran domestik, menjalinkan rangkaian pemasaran yang kukuh. | ● Produk yang dihasilkan dapat dipasarkan ke seluruh negara - menjana ekonomi negara dan menambahkan pendapatan kepada penduduk tempatan. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | • **Bahan mentah** | • Malaysia kaya dengan pelbagai bahan mentah seperti hasil laut, hasil hutan dan hasil galian. | • Memastikan bahan mentah tidak terputus, berurusan dengan pembekal bahan mentah yang mempunyai reputasi yang baik, menyediakan tempat menyimpan bahan mentah. | • Meyakinkan para pelabur untuk melabur di Malaysia - meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). | |
| | • **Pengurusan** | • Pengurusan dilatih dari peringkat institusi pendidikan sehingga ke alam pekerjaan. | • Memberi latihan dan kursus kepada semua pekerja mahir dan separa mahir.<br>• Latihan perindustrian dan pentadbiran. | • Dapat mentadbir perusahaan dengan efisennya, menguruskan kewangan dengan cekapnya, menguruskan pekerja dengan baik. | |
| Kesan perkembangan pesat perindustrian | • **Meningkatkan pendapatan negara** | • Kerana aliran wang masuk ke dalam negara dapat ditingkatkan apabila negara mengeksport barangan perindustrian ke luar negara. | • Barangan industri juga boleh dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi berbanding dengan barangan sektor.<br>• Pengusaha barangan elektrik dapat mengaut keuntungan yang lebih banyak berbanding dengan individu yang terlibat dengan bidang pertanian. | • Pendapatan kerajaan turut meningkat apabila lebih ramai pengusaha bidang perindustrian membayar cukai. | • Daripada segenggam jadi segantang. |
| | • **Membuka peluang pekerjaan** | • Peluang pekerjaan semakin bertambah apabila lebih banyak bidang perindustrian | • Industri kecil dan sederhana seperti industri pembuatan tembikar, perusahaan keropok lekor dan perusahaan kraf tangan dapat membuka peluang | • Taraf hidup rakyat boleh ditingkatkan secara menyeluruh dengan adanya sektor perindustrian. | • Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung.<br>• ada gula ada semut |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | diterokai di negara kita.<br>● Penduduk luar bandar turut mendapat manfaat daripada bidang perindustrian. | pekerjaan untuk penduduk di luar bandar dan sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. | | |
| | ● **Meningkatkan imej negara di mata dunia.** | ● Menarik minat dan memberi keyakinan kepada para pelabur untuk melabur dalam sektor perindustrian. | ● Membuka kilang elektronik, automotif, minyak dan gas<br>● Membuka pusat pelancongan seperti Taman Tema Air. | ● Membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. | ● Duduk sama rendah berdiri sama tinggi. |
| Kepentingan industri 4.0 (superkomputer, robot pintar,kenderaan tanpa pengemudi) memudahkan kerja manusia | ● **Dapat menjalankan tugas yang diberi dengan cekap dan tepat.** | ● Memberi arahan kepada sistem robot - sistem itu akan menjalankan kerja dengan menepati kehendak kita. | ● Robot tidak bergantung kepada keadaan fizikal dan staminanya tetapi kurang kesilapan kerana telah diprogramkan. | ● Robot dapat menjalankan tugasnya sepanjang masa. | |
| | ● **Penggunaan robot sebagai pengesan dalam bidang pertanian.** | ● Mampu menentukan keadaan cuaca malahan berupaya memaklumkan jumlah air yang diperlukan oleh tanaman. | ● Robot ini kemudian memaklumkan data tersebut kepada robot yang lain. | ● Robot lain akan menghasilkan nutrien mengikut bacaan robot pengesan tadi bagi menjadikan tanaman lebih terpelihara dan lebih hebat - apabila tindakan ini dilakukan setiap saat tanpa henti dalam setahun. | |
| | ● **Robot berupaya mempercepat** | ● Membantu manusia untuk | ● Menganalisis dan mendiagnosis | ● Robot membantu doktor menjalankan | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **proses rawatan dalam bidang perubatan.** | menganalisis dan mendiagnosis pelbagai jenis penyakit. | pertumbuhan penyakit seperti kanser. | operasi pembedahan tubuh manusia. | |
| | ● **Membawa kepentingan dalam bidang ketenteraan dan keselamatan.** | ● Bidang robotik membantu tentera mengesan bom dan periuk api. | ● Robot memainkan peranan penting sebagai ejen perisikan. | ● Mengesan segala pergerakan yang dirancang oleh musuh.<br>● Keselamatan negara lebih terjamin daripada pencerobohan musuh. | |
| **Tema 14 : Pendidikan** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Kepentingan ilmu pengetahuan | ● **Mendapat peluang pekerjaan yang lebih luas.** | ● Merupakan syarat utama untuk seseorang mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai bidang seperti jurutera, guru mahupun doktor kerana ilmu pelita hidup. | ● Seseorang harus menimba ilmu pengetahuan sejak di bangku sekolah rendah sehingga ke menara gading agar mendapat segulung ijazah sebagai tiket mudah mendapatkan pekerjaan. | ● Seseorang yang berilmu akan mudah mendapatkan sebarang pekerjaan yang bersesuaian dengan ilmu yang dimiliki. | ● Usaha tangga kejayaan. |
| | ● **Melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang.** | ● Pakar-pakar yang ada di negara kita seperti Dr. Suraya Arsyad dari hospital pakar di negeri Pahang memiliki ilmu pengetahuan yang | ● Untuk memastikan lebih ramai pakar dilahirkan di negara ini sama ada dalam pelbagai bidang.<br>● Kesedaran tentang kepentingan ilmu harus diterapkan dalam diri | ● Lebih ramai tenaga pakar dapat dilahirkan bagi memastikan negara terus maju. | ● Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | tinggi dalam bidang sakit puan. | murid-murid sejak di bangku sekolah. | | |
| | ● **Menjamin masa depan yang cerah.** | ● Ramai usahawan mempunyai latar belakang individu yang berilmu tinggi dapat mencapai kejayaan yang gemilang walaupun pada asalnya hidup susah.. | ● Penguasaan ilmu tidak kira dalam apa-apa jua bidang sekalipun, pasti membuahkan hasil andai dimanfaatkan sebaik-baik mungkin. | ● Tidak dapat dinafikan lagi, Dato' Alif Syukri dan Dato' Seri Vida, masing-masing merupakan tokoh usahawan kosmetik yang berjaya menempah nama di pasaran negara hasil kebijaksanaan mereka berdua menguasai ilmu dalam bidang pemasaran dan perniagaan. | ● Ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.<br>● Usaha tangga kejayaan. |
| Kepentingan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)*/Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional BT5:39<br><br>Teknologi automotif<br>Seni reka fesyen<br>Teknologi elektrik | ● **Membuka peluang pekerjaan** | ● Kursus yang ditawarkan telah disesuaikan mengikut keperluan pasaran guna tenaga sekali gus menjamin peluang pekerjaan pada masa depan. | ● Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan institusi TVET dan pihak pemain industri bagi memastikan lepasan bidang itu akan terus masuk ke pasaran kerja. | ● Melahirkan lebih ramai generasi belia berdaya saing - berkemahiran tinggi dalam sektor perkhidmatan. | |
| | ● **Membantu menjana ekonomi negara.** | ● Tiga elemen dalam TVET iaitu kemahiran, | ● Berdasarkan statistik 2022, kebolehpasaran graduan TVET | ● Membuktikan bidang itu telah melahirkan ramai belia yang | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Teknologi kimpalan,<br>Bakeri & pastri<br>Teknologi penyejukan dan penyamanan udara<br>Seni kulinari | | pemahiran semula dan peningkatan kemahiran akan terus diutamakan bagi melahirkan pakar yang berdaya saing dalam bidang TVET. | mencapai tahap 92.5 peratus. | mempunyai peluang pekerjaan dalam industri.<br>● TVET akan menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang berkemahiran tinggi sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing. | |
| | ● **Menjamin masa hadapan yang cerah** | ● Lepasan program TVET mempunyai kemahiran yang tinggi.<br>● Pertumbuhan pesat dan kemajuan dalam teknologi digital menyebabkan landskap kerjaya mengalami perubahan. | ● Kursus yang ditawarkan disesuaikan mengikut keperluan pasaran dan menjamin peluang pekerjaan pada masa depan.<br>● Turut mendapat peluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. | ● Menyumbang kepakaran yang ada dan melahirkan tenaga kerja mahir berpendapatan tinggi. | |
| Kepentingan aktiviti kokurikulum kepada murid | ● **Membentuk jati diri yang unggul.** | ● Jati diri remaja pada hari ini semakin merosot kerana pengaruh media sosial. | ● Menyertai badan beruniform - aktiviti kawad kaki, perkhemahan, sukan permainan dan kelab persatuan. | ● Dapat melahirkan murid yang lebih berdisiplin, menepati masa,berkeyakinan tinggi dan melahirkan pemimpin yang hebat. | ● Disiplin tinggi hidup berjaya |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | • **Mengeratkan hubungan antara murid.** | • Murid pada hari ini kurang bergaul dan berkomunikasi antara satu sama lain selain rakan terdekat. | • Penyertaan murid dalam aktiviti berkumpulan seperti pelbagai pertandingan yang dianjurkan dalam Kelab dan Persatuan. | • Hubungan antara murid dapat dieratkan apabila mereka bekerjasama dalam sesuatu pertandingan atau aktiviti berkumpulan. | • Bagai aur dengan tebing. |
| | • **Mencungkil bakat murid.** | • Setiap murid mempunyai kelebihan dan bakat terpendam. | • Melalui aktiviti kokurikulum yang dijalankan dapat menonjolkan bakat yang terpendam dalam diri murid.<br>• Sebagai contoh melalui pertandingan koakademik - deklamasi sajak, nyanyian, pantun dan syair. | • Sekolah dapat melahirkan lebih ramai murid yang berbakat dan berpotensi untuk mengharumkan nama sekolah. | • Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. |
| | • **Memenuhi syarat kemasukan ke IPT.** | • Markah PAJSK merupakan salah satu syarat untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. | • 10 peratus markah kelayakan ke IPT adalah daripada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. | • Murid lebih bersungguh-sungguh untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum apabila mereka diberi pendedahan awal tentang kepentingan markah PAJSK. | • Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih |

| Tema 15 : Bahasa dan Kesusasteraan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Langkah memartabatkan Bahasa Melayu BT4 : T2 ms18 BT5 : T14 ms191 | ● **Media massa menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam penyiaran dan pengiklanan.** | ● Media massa merupakan wahana yang paling berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat kerana maklumat dihujung jari. | ● TV3 merupakan stesen penyiaran yang mula-mula menggunakan bahasa baku dalam bidang penyiaran di Malaysia.<br>● TV3 telah mendapat pujian dan sanjungan daripada pelbagai pihak dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. | ● Penggunaan bahasa Melayu baku dalam penyiaran dan pengiklanan akan menjadi ikutan stesen televisyen yang lain sekali gus bahasa Melayu akan lebih sebati dalam jiwa masyarakat. | ● Bahasa jiwa bangsa |
| | ● **Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan lebih banyak bahan bacaan.** | ● Menerbitkan lebih banyak bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan melalui kerjasama pihak DBP dan penerbit swasta berupaya untuk mempelbagaikan sumber bacaan masyarakat sama ada untuk menyampaikan maklumat atau hiburan. | ● Bahan bacaan yang diterbitkan ini seboleh-bolehnya dijual pada harga yang mampu dibeli oleh semua golongan tanpa menjejaskan kualitinya seperti Dewan Siswa, Dewan Pelajar dan Dewan Masyarakat. | ● Harga yang berpatutan dan kandungan bahan bacaan yang menarik akan memenuhi citarasa setiap lapisan masyarakat. | ● Bahasa menunjukkan bangsa |
| | ● **Kerajaan menganjurkan Kempen Cintailah Bahasa Kita.** | ● Kempen ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat | ● Kempen ini mestilah diadakan sepanjang tahun di seluruh pelosok negara dengan | ● Kempen yang menyeluruh dan berkala akan menjadikan | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | tentang peri pentingnya bahasa kebangsaan sebagai wahana perpaduan kaum. | kerjasama pihak berkuasa tempatan.<br>● Aktiviti yang boleh diadakan seperti penerbitan dokumentari dan poster yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan. | masyarakat lebih cakna tentang pentingnya memartabatkan bahasa Melayu. | |
| | ● **Pihak sekolah menganjurkan pelbagai aktiviti bahasa.** | ● Aktiviti-aktiviti kebahasaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah mampu menarik minat pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul secara lisan atau penulisan. | ● Aktiviti ini juga perlu dijadikan aktiviti tahunan dalam takwim kelab dan persatuan di sekolah khususnya persatuan bahasa Melayu.<br>● Aktiviti kebahasaan yang boleh dianjurkan ialah pertandingan bahas, pidato dan pesta pantun. | ● Pelajar-pelajar dapat diterapkan dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul sekali gus mencungkil bakat dalam aktiviti kebahasaan. | ● Bahasa Melayu bahasa berdaulat |
| Usaha memajukan industri kraf tangan<br>BT4: 68<br>Contoh: anyaman bakul, ukiran kayu, hasil tenunan | ● **Kerajaan mempromosikan kraf tangan Malaysia ke luar negara.** | ● Masyarakat luar belum mengenali kraf tangan negara kita | ● Mengadakan promosi secara besar-besaran melalui media massa - menganjurkan pameran kraf tangan di luar negara | ● Kraf tangan negara semakin dikenali oleh pelancong asing. | ● Tak kenal maka tak cinta. |
| | ● **Pengusaha menghasilkan kraf tangan yang kreatif.** | ● Pembeli tertarik untuk membeli barangan terkini dan mengikut peredaran zaman. | ● Menghasilkan kraf tangan menarik dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti cengkerang hidupan laut, buluh dan buah kelapa. | ● Pengguna akan rambang mata untuk membuat pilihan barangan seterusnya boleh memajukan industri ini apabila permintaan meningkat. | |
| | ● **Kerajaan memberi bantuan dari segi dana atau modal.** | ● Pengusaha tempatan kekurangan modal | ● Pihak kerajaan harus memberikan pinjaman modal bagi pengusaha | ● Pengusaha tempatan akan mempunyai kegigihan untuk | ● Usaha tangga kejayaan |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | untuk menjalankan industri kraf tangan yang memerlukan modal yang besar | yang ingin meluaskan sayap pengusaha kraf tangan mereka<br>● Pihak kerajaan boleh mencari pasaran di peringkat global dengan mengadakan kempen-kempen, pakej-pakej pelancongan dan percutian di Malaysia. | bersaing dengan pengusaha luar negara | |
| | ● **Latihan dan pendedahan awal kraf tangan perlu diberikan kepada pengusaha kraf tangan** | ● Kemahiran merupakan sesuatu yang perlu dipelajari dan tenaga pengajar bertauliah amat diperlukan dalam industri kraf tangan. | ● Golongan berkemahiran perlu mengajar dan mengembangkan kemahiran mereka kepada yang berminat untuk mengusaha kraf tangan<br>● kelas-kelas kemahiran boleh diwujudkan di desa-desa dan bandar. | ● Masyarakat akan berminat untuk menjadi pengusaha kraf tangan dan kemahiran kraf tangan yang unik dapat dikembangkan dan diperluas sehingga peringkat global. | ● kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. |
| Peranan pelbagai pihak memupuk budaya membaca BT5: ms185 | ● **Ibu bapa membeli pelbagai bahan bacaan kepada anak-anak.** | ● Anak-anak akan sentiasa membaca buku yang baharu dibeli oleh ibu bapa. | ● Ibu bapa memperuntukkan sedikit wang dalam sebulan bagi membeli bahan bacaan dan bahan bacaan yang dibeli sesuai mengikut perkembangan diri anak-anak.<br>● Datuk Dr Haji Fadzilah Kamsah menyatakan bahawa ibu bapa merupakan pencorak budaya membaca dalam jiwa anak-anak. | ● Anak-anak akan memiliki buku-buku yang dapat mencerna ilmu pengetahuan sekali gus menarik minat membaca. | ● Belakang parang jika diasah lagikan tajam. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ● **Sekolah perlu menjalankan pelbagai program bacaan secara meluas.** | ● Selain di rumah, pelajar banyak menghabiskan sebahagian masa mereka di sekolah. | ● Sekolah melancarkan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) dengan memberi pengiktirafan yang sesuai kepada pelajar mengikut bilangan buku yang telah dibaca.<br>● Guru-guru boleh menyediakan sudut bacaan yang selesa dan bahan bacaan yang mencukupi supaya dapat menarik minat pelajar membaca. | ● Menimbulkan kesedaran dan memupuk minat membaca yang berterusan dalam diri pelajar<br>● Dapat membentuk pelajar yang suka membaca dan menjadi insan yang cemerlang pada masa hadapan. | ● Membaca Nadi Ilmu.<br>● Membaca Khazanah Ilmu |
| | ● **Media massa menguar-uarkan kelebihan membaca.** | ● Media massa merupakan wahana yang paling berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat kerana maklumat di hujung jari. | ● Pihak-pihak yang terlibat seperti penerbit stesen televisyen haruslah menyiarkan dokumentari atau rancangan yang memaparkan kepentingan membaca dalam kehidupan seharian. | ● Masyarakat akan lebih tahu kepentingan membaca sekali gus menjadikan masyarakat malaysia yang cinta akan buku. | ● Bangsa membaca bangsa berjaya |
| | ● **Kerajaan menganjurkan kempen membaca.** | ● Kempen Dekad membaca Kebangsaan 2021 - 2030 yang bermatlamat mewujudkan Malaysia sebagai negara membaca dan bangsa | ● Kemudahan perpustakaan mesti disediakan di semua bandar dalam negara kita. Bagi kawasan luar bandar, perpustakaan bergerak perlu disediakan supaya pelajar di kampung | ● Melalui cara ini, masyarakat berpeluang membaca pelbagai bahan dan membentuk keperibadian yang tinggi dalam kehidupan mereka. | ● Ilmu pelita hidup |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Malaysia yang berilmu menjelang tahun 2030.<br>● Kempen ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peri pentingnya membaca dalam kehidupan. | mempunyai peluang untuk membaca buku yang menarik dan terkini. | | |
| Cara-cara memupuk minat pelajar membaca karya sastera | ● **Ibu bapa memberi pendedahan tentang karya sastera sejak kecil.** | ● Ibu bapa merupakan orang pertama berinteraksi dengan anak-anak. | ● Ibu bapa boleh membaca sastera rakyat kepada anak-anak sebelum masuk tidur. | ● Hubungan silaturahim antara ibu bapa dengan anak-anak dapat dipereratkan, malah anak-anak dapat mengetahui budaya masyarakat kita sendiri. | ● Melentur buluh biarlah dari rebungnya. |
| | ● **Media massa menyebar luas kempen menghayati karya sastera yang dijalankan oleh kerajaan.** | ● Media massa merupakan wahana yang paling berkesan untuk menyampaikan tentang karya sastera kepada masyarakat. | ● Pihak media massa boleh mempromosi karya kepada masyarakat melalui radio, televisyen dan surat khabar. | ● Masyarakat dapat mengetahui cara untuk mendapatkan karya sastera di pasaran. | |
| | ● **Pihak kerajaan mengadakan pameran karya sastera dan kempen** | ● Melalui langkah ini, rakyat berpeluang untuk mengenali karya-karya sastera ini | ● Pihak kerajaan boleh membina perpustakaan rakyat di setiap daerah.<br>● Pihak kerajaan juga mengambil inisiatif | ● Memudahkan masyarakat untuk membaca atau meminjam karya- | ● Tak kenal maka tak cinta. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **menghayati karya sastera.** | dengan lebih dekat. | mengurangkan kadar cukai penerbitan karya sastera. | karya sastera untuk dibaca.<br>● Langkah ini dapat menurunkan harga buku tersebut agar masyarakat khususnya golongan berpendapatan rendah berpeluang memiliki karya-karya itu sendiri. | |
| | ● **Pihak sekolah khususnya Pusat Sumber Sekolah perlu mempelbagaikan bahan bacaan karya sastera.** | ● Selain di rumah, pelajar banyak menghabiskan sebahagian masa mereka di sekolah. | ● Pusat Sumber Sekolah perlu memperbanyak buku sastera dan karya agung seperti novel ‘Ranjau Sepanjang Jalan’ oleh Shahnon Ahmad dan ‘Salina’ oleh A. Samad Said<br>● Pusat Sumber juga boleh mengadakan pertandingan mengulas novel, sajak, puisi dan pantun setiap bulan. | ● Langkah ini membolehkan pelajar untuk membaca karya-karya sastera memandangkan mereka ingin menghasilkan ulasan yang menarik.<br>● Secara tidak langsung, minat pelajar terhadap karya sastera akan semakin bertambah. | |
| Kebaikan mempelajari karya sastera | ● **Mengenali dan mencintai bahasa ibunda kita.** | ● Keunikan bahasa dalam karya sastera memupuk semangat cinta akan sastera. | ● Corak penulisan karya sastera mempunyai format dan ritma yang menjadikan karya sastera itu menarik dan indah dibaca seperti penulisan novel, cerpen, sajak, syair dan pantun. | ● Kecintaan terhadap sastera melayu akan dipupuk sekali gus melahirkan rasa bangga kerana mempunyai identiti tersendiri. | ● Ibarat kata pujangga, tak kenal maka tak cinta. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ● **Mengenali dan menghargai sasterawan negara.** | ● Melalui pembacaan karya sastera, secara tidak langsung kita akan mengenali penulis-penulisnya. | ● lazimnya, mereka yang menghasilkan karya sastera terdiri daripada lepas graduan bahasa dan juga cendekiawan yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam sesuatu perkara. | ● Menimbulkan rasa kagum terhadap daya intelek seseorang penulis sekali gus masyarakat akan lebih menyanjungi golongan sasterawan negara kita. | ● Tajam akal. |
| | ● **Memperbanyak perbendaharaan kata.** | ● Karya-karya sastera ditulis mengikut tahap penggunaan bahasa yang tinggi. | ● Karya sastera kebanyakan dihasilkan pada zaman dahulu banyak menggunakan perkataan bahasa melayu klasik. | ● Secara tidak langsung, kita dapat meluaskan horizon perbendaharaan yang diketahui.<br>● Mewujudkan bangsa yang intelek dan berketerampilan. | ● Laut ditimba tidak akan kering |
| | ● **Memberikan pengajaran berdasarkan perkara yang terkandung dalam karya sastera.** | ● Pelbagai iktibar diterapkan daripada kisah yang terkandung dalam setiap penulisan karya. | ● Penulis akan bercerita tentang isu-isu yang berlaku dalam kehidupan masyarakat sekeliling sebagai pengajaran kepada pembaca karyanya. | ● Mendidik masyarakat melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang tidak bermanfaat dalam kehidupan. | ● Buang yang keruh, ambil yang jernih. |
| **Tema 16 : Kerjaya** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Ciri-ciri pekerja cemerlang BT4:38 | ● **Berketerampilan diri yang menarik.** | ● Penampilan diri mencerminkan keperibadian seseorang. | ● Gaya yang ditunjukkan oleh setiap individu seperti berpakaian kemas, menyisir rambut dengan rapi dan memakai bau-bauan menenangkan. | ● Pelanggan yang berurusan dengan pekerja yang menjadi wakil kepada syarikat akan berasa tertarik.<br>● Membentuk imej yang mewakili | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | ● Pekerja yang mempunyai keyakinan diri yang baik serta dilengkapi tatasusila yang unggul pasti membantu organisasi terbabit bersikap profesional. | syarikat atau organisasi majikan. | |
| | ● **Kemahiran komunikasi yang baik.** | ● Pelajar perlu menguasai “soft skill” sejak di bangku sekolah. | ● Belajar bertutur menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan lancar. | ● Dapat melahirkan pelajar yang berkeyakinan di khalayak. | ● Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. |
| | ● **Berdisiplin** | ● Disiplin merupakan asas bagi sesebuah kejayaan. | ● Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, menepati masa dan berketerampilan. | ● Disenangi oleh majikan.<br>● Menjadi teladan kepada orang lain. | ● Disiplin asas kejayaan. |
| | ● **Mahir menggunakan teknologi terkini.** | ● Teknologi merupakan elemen penting seiring dengan perkembangan dunia tanpa sempadan. | ● Pekerja berkemahiran menggunakan teknologi maklumat seperti Microsoft Word, Excel dan Power Point. | ● Menyiapkan kerja dengan mudah.<br>● Melahirkan pekerja yang cekap dan efisien. | ● Maklumat di hujung jari. |
| Faktor-faktor yang menentukan pemilihan kerjaya<br>BT4 : 28<br>BT5 :39 | ● **Minat dan cita-cita.** | ● Kedua-dua aspek ini mempengaruhi kerjaya seseorang pada masa hadapan. | ● Jika remaja meminati komputer dan teknologi maka mereka akan memilih bidang kerjaya yang berkaitan bidang sains komputer. | ● Remaja akan lebih fokus pada minat dan cita-cita dalam sesuatu bidang.<br>● Mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang diimpikan. | ● Usaha tangga kejayaan. |
| | ● **Sokongan ibu bapa.** | ● Ibu bapa lebih mengetahui | ● Ibu bapa sentiasa memberi sokongan | ● Dengan cara ini, kerjaya remaja akan | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | sesuatu kerjaya itu sesuai atau tidak dengan anak-anak mereka. | kepada minat anak-anak.<br>● Jika anak-anak meminati kerjaya di awan biru maka ibu bapa boleh mendedahkan mereka dengan maklumat kerjaya dalam bidang penerbangan. | keberkatan dan mendapat sokongan serta doa daripada ibu bapa. | |
| | ● **Pengaruh daripada idola atau tokoh.** | ● Pelajar akan menjadikan ahli keluarga atau tokoh terkenal sebagai idola kerana mereka sangat berpengaruh. | ● Mereka bercita-cita menjadi doktor kerana terpengaruh dengan kerjaya abang atau kakak yang menjadi doktor.<br>● Mereka juga ingin menjadi ahli sukan kerana terpengaruh dengan tokoh sukan negara seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David. | ● Pelajar akan memiliki keazaman yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya tersebut. | ● Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. |
| | ● **Latar belakang akademik dan kemahiran.** | ● Pemilihan subjek yang tepat dan bersesuaian ialah satu langkah ke hadapan untuk menjadi lebih mahir dalam sesuatu bidang. | ● Sewaktu melangkah ke peringkat menengah atas, pelajar perlu mengambil kira subjek yang ingin dipelajari dan diuji sewaktu menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.<br>● Seandainya cita-cita seseorang pelajar itu untuk menjadi seorang | ● Pilihan yang tepat sebegini mendorong mereka untuk lebih mudah memahami dalam bidang kerjaya yang bakal diceburi kelak. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | arkitek dalam kerjayanya kelak maka pelajar tersebut digalak memilih subjek lukisan kejuruteraan. | | |
| **Tema 17: Integriti** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Punca lunturnya integriti (Integriti - kejujuran, keadaan sempurna dan utuh) | ● **Pegangan agama yang rapuh.** | ● Tidak mendapat didikan agama yang sempurna.<br>● Integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. | ● Tidak dapat membezakan antara yang batil dan hak menyebabkan mereka terlibat dengan perkara-perkara yang tidak berintegriti seperti rasuah. | ● Integriti dalam kalangan masyarakat semakin luntur. | |
| | ● **Pentingkan diri sendiri.** | ● Demi keuntungan dan kelangsungan hidup dan perniagaan. | ● Mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja termasuk menipu pelanggan. | ● Mewujudkan sikap tamak dalam diri. | ● Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.<br>● Besar pasak daripada tiang (tamak) |
| | ● **Kerenah birokrasi.** | ● Sesuatu urusan mengambil masa yang lama untuk dinilai dan diluluskan. | ● Mengambil jalan pintas dan mudah dengan memberikan duit kopi bagi mempercepat urusan. | ● Pihak yang berkelayakan akan kehilangan peluang untuk berjaya. | ● tumbuk rusuk(perbuatan memberi rasuah) |
| | ● **Penguatkuasaan undang-undang yang lemah.** | ● Kurang pemantauan daripada pihak berwajib. | ● Hukuman atau tindakan yang dikenakan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. | ● Lebih ramai masyarakat yang tidak berintegriti.<br>● Imej negara akan tercalar di persada dunia. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Cara membudayakan Integriti | • **Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas.** | • Undang-undang merupakan susunan peraturan dan ketentuan yang digubal oleh pemerintah sesebuah negara. | • Tindakan yang adil harus dikenakan kepada pesalah agar memberi kesedaran kepada orang lain. | • Melahirkan individu yang bersaing secara sihat dan berkualiti. | |
| | • **Pegangan agama yang lebih kukuh.** | • Agama merupakan benteng pertahanan yang ampuh | • Menghadiri majlis ilmu keagamaan, kelas fardu ain dan pembacaan buku-buku agama. | • Meningkat nilai integriti dalam diri agar tidak terpengaruh dengan sikap mazmumah. | |
| **Tema 18: Pentadbiran dan Politik** | | | | | |
| **Kehendak soalan/Tugasan** | **Isi/Idea** | **Mengapa** | **Bagaimana** | **Kesan** | **Ungkapan Menarik** |
| Belia Harapan Negara/Potensi diri<br>BT5:219 | • **Kepimpinan** | • Belia hari ini merupakan pemimpin pada masa hadapan.<br>• Pemimpin berkesan, pencetus kejayaan. | • Keupayaan untuk memimpin, bijak membuat keputusan dan mengendalikan situasi yang sukar. | • Berfikiran luas dalam menentukan keputusan untuk mengelakkan timbulnya masalah ketika melaksanakan sesuatu tugas. | • Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini. |
| | • **Berdaya upaya.** | • Merupakan aspek penting dalam membangunkan potensi diri seseorang. | • Mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mendorong seseorang untuk sesuatu yang baik. | • Dapat melakukan transformasi dalam kepimpinan dan memacu kemajuan sesebuah negara. | • Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. |
| | • **Kreatif** | • Sesuatu perkara akan kekal statik tanpa sebarang pembaharuan dan perubahan. | • Kemampuan, kebolehan atau keupayaan untuk mencetuskan idea serta menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli | • Mampu mengecapi kejayaan yang terbilang. | |